

Luaskan dagang ke Selatan - PM

U.M. 18 FEB 1993

trip 07/23

KARACHI 17 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru para usahawan Malaysia dan Pakistan supaya memperluaskan kegiatan mereka di Selatan sebagai persediaan bagi menghadapi keadaan ekonomi dunia yang semakin mencabar.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada Utara ekoran beberapa perkembangan yang tidak menentu sekarang.


“Walaupun pergantungan kita kepada Utara akan berterusan, janganlah kita siang-siang lagi menutup prospek untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan negara-negara di Selatan.

“Keadaan menjadi semakin mendesak sekarang kerana kejayaan rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay. Pembentukan AFTA (Perjanjian Perda-

gangan Bebas Amerika Utara) dan pengukuhan pasaran tunggal Eropah.

“Segala ini akan menjadi cabaran besar untuk mempertahankan, apatah lagi memperbaiki kedudukan dan berkongsi pasaran di Utara,” katanya pada majlis makan tengah hari dengan usahawan Pakistan yang dianjurkan oleh Malaysia Pakistan Ventures Sdn. Bhd., Westbury Private Ltd. dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Pakistan di Hotel Pearl Continental di sini hari ini.

Dr. Mahathir juga menggesa para usahawan kedua-dua negara meningkatkan kerjasama perdagangan antara mereka kerana masih banyak yang perlu dilakukan bagi memperkukuhkan ekonomi Malaysia Pakistan.



HAMZAH SIDEK

Melaporkan dari
KARACHI, PAKISTAN

Katanya, asas perdagangan kedua-dua negara amat terhad dan lebih meliputi komoditi.

Dalam masa yang sama, menurutnya perdagangan antara Malaysia Pakistan, hanyalah 1 peratus dari jumlah perdagangan masing-masing dengan lain-lain negara.

Liberalisasi

Dr. Mahathir juga berkata, Pakistan telah melaksanakan dasar melonggarkan liberalisasi dan menghapuskan beberapa peraturan sekatan yang bertujuan untuk memudahkan prosedur perdagangannya.

Katanya, pengalaman Malaysia dalam hal ini telah menghasilkan pertambahan kemasukan pelaburan dan perdagang-

an, peningkatan pembangunan teknologi serta produktiviti.

Beliau yakin perubahan ekonomi yang dilakukan oleh negara-negara membangun akan mewujudkan pasaran yang berkembang di Selatan.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia sedang berusaha secara serius untuk meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan lain-lain negara membangun dalam matlamat untuk menjadi negara maju.

“Sektor swasta Malaysia turut melangkah seiring dengan usaha kerajaan dan telah menjalin hubungan dan mewujudkan rangkaian dengan banyak negara membangun sehingga menghasilkan peningkatan dua hala.

“Dari segi pelaburan, walaupun kami masih bergantung kepada modal asing, kerajaan Malaysia sekarang menggalakkan ahli-ahli perniagaan untuk meluaskan kegiatan dan melabur di seberang laut,” katanya. — *Utusan*.